# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI NEGERI KELANTAN

OLEH

AZMAWATI BINTI AIDI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
( KUSTEM)

2006

0/3379

1100045544

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Perpustakaan

LI 7 FPE 2 2006

1100045544
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Pembangunan Koperas Negeri Kelantan / Azmawati Adi.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| 1100045544 | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI NEGERI KELANTAN

OLEH:

AZMAWATI BINTI AIDI
(UK9866)
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA:

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006



1100045544

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **AZMAWATI BINTI AIDI,** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan ini.

Yang benar,

Nama : AZMAWATI BINTI AIDI

Tarikh : 17. 10. 2006

Disahkan oleh:

Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Dr. Asyraf bin Hj. Abdul Rahman iaitu selaku Penyelia Latihan Industri KUSTEM di atas segala tunjuk ajar, bantuan dan segala nasihat yang telah diberikan sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih di dalam menyiapkan laporan ini. Segala kerjasama yang diberikan amatlah dihargai.

Seterusnya, pelatih juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Kelantan kerana sudi mengambil pelatih untuk menjalani Latihan Industri di sana. Begitu juga kepada Tuan Haji Zainun b. Hamzan selaku Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Kelantan di atas segala pengalaman dan ilmu yang diberikan.

Tidak ketinggalan juga penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En Akram b. Hasan selaku Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi merangkap Penyelia Industri yang telah banyak membantu, memberikan tunjuk ajar dan mendedahkan pelatih dengan pelbagai ilmu dan pengalaman yang belum pernah pelatih pelajari dan tempuhi sebelum ini.

Sesungguhnya segalanya ilmu yang diberikan oleh beliau kepada pelatih merupakan sesuatu yang dianggap khazanah yang dapat melengkapkan diri pelatih dari segi ilmu dan pengalaman untuk diaplikasikan di alam pekerjaan nanti.

Di samping itu, terima kasih juga kepada kakitangan Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Kelantan yang turut memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada pelatih sewaktu menjalani Latihan Industri. Kerjasama dan segala pertolongan yang diberikan telah memudahkan pelatih untuk menjalani Latihan Industri sebaik mungkin. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung memberikan pelatih maklumat-maklumat yang berkaitan dengan operasi Jabatan ini.

Selain itu, ucapan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa Latihan Industri kerana telah bertungkus lumus bekerja dalam melancarkan dan melicinkan lagi proses latihan industri ini.

Akhir sekali pelatih ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan terima kasih kepada keluarga di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan. Sokongan dan dorongan yang diberikan ini telah banyak membantu pelatih semasa menjalani Latihan Industri.

AZMAWATI BINTI AIDI

SARJANA MUDA PENGURUSAN POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL, KUSTEM

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)


# ISI KANDUNGAN

| TAJUK | | M/S |
|---|---|---|
| 1 | TAJUK HALAMAN LAPORAN | i |
| 2 | PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN | ii |
| 3 | PENGHARGAAN | iii |
| 4 | ISI KANDUNGAN | v |
| 5 | SENARAI RAJAH | ix |
| 6 | SENARAI SINGKATAN | x |
| 7 | SENARAI LAMPIRAN | xi |
| 8 | RINGKASAN EKSEKUTIF | xii |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | 1 |
| 1.1 | Latarbelakang Organisasi | 5 |
| | 1.1.1 Misi Jabatan | 7 |
| | 1.1.2 Dasar | 7 |
| | 1.1.3 Objektif Organisasi | 9 |
| | 1.1.4 Piagam Jabatan | 10 |
| | 1.1.5 Strategi | 11 |
| | 1.1.6 Bahagian Pengurusan Organisasi | 12 |
| 1.2 | Profil Jabatan | 15 |
| | 1.2.1 Nama Jabatan | 15 |
| | 1.2.2 Alamat Jabatan | 15 |
| | 1.2.3 Alamat Cawangan Jabatan Pembangunan Koperasi | 15 |
| | 1.2.4 Lembaga Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Kelantan | 16 |
| | 1.2.5 Juruaudit Jabatan | 16 |
| | 1.2.6 Jenis-jenis Koperasi | 17 |
| 1.3 | Carta Organisasi | 21 |

1.4 Logo Jabatan Pembangunan Koperasi 24

1.5 Aktiviti Jabatan 25
1.5.1 Perbankan 25
1.5.2 Perumahan 26
1.5.3 Pengguna 26
1.5.4 Pengangkutan 27
1.5.5 Perladangan 27
1.5.6 Perindustrian 28
1.5.7 Pembinaan 28
1.5.8 Perkhidmatan 28

1.6 Etika Kerja dalam Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Kelantan 29
1.6.1 Matlamat 30
1.6.2 Tujuan Etika 30
1.6.3 Nilai-nilai ETIKOP 30

1.7 Kemahiran yang dipelajari 31

**BAB 2 KEPIMPINAN DALAM PENGURUSAN JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI NEGERI KELANTAN**

2.0 Pengenalan 32
2.1 Konsep 33

2.2 Ciri-ciri kepimpinan yang diamalkan di Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Kelantan 35
2.2.1 Pengetahuan yang tinggi 35
2.2.2 Mempunyai komunikasi yang baik 36
2.2.3 Berkeyakinan 36

2.3 Gaya kepimpinan yang diamalkan 37

2.4 Kepentingan kepimpinan 39
2.4.1 Membantu mencapai matlamat Jabatan 39
2.4.2 Sebagai alat kawalan 39
2.4.3 Menggerakkan kumpulan kerja 40
2.4.4 Sebagai alat motivasi pekerja 40

2.5 Teori Kepimpinan 41
2.5.1 Teori Pendekatan Sifat 41
2.5.2 Teori Pendekatan Kelakuan 41

2.6 Hubungan antara kepimpinan dan komunikasi 42

**BAB 3 ANALISIS SWOT**


3.0 Pengenalan 44

3.1 Ringkasan Analisis SWOT 45

3.2 Kekuatan (*Strenghts*) 46
3.2.1 Objektif JPK yang spesifik 46
3.2.2 Proses pembelajaran yang berterusan 47
3.2.3 Tenaga Kerja yang berpengalaman 48
3.2.4 Badan kebajikan dan sukan JPK Kelantan 49

3.3 Kelemahan (*Weaknesses)* 50
3.3.1 Pengurusan yang tidak cekap 50
3.3.2 Pusing ganti pekerja (*Rotation*) dalam pentadbiran Koperasi 50
3.3.3 Susun atur pejabat yang tidak menarik (tiada petisyen) 51

3.4 Peluang (*Oppurtunities)* 52
3.4.1 Teknologi Maklumat 52
3.4.2 Sistem Saraan Malaysia (SSM) 53
3.4.3 Peningkatan kesedaran rakyat tentang koperasi 54

3.5 Ancaman (*Threats*) 55
3.5.1 Persaingan dari luar Organisasi 55
3.5.2 Tiada penglibatan daripada anggota Koperasi 56
3.5.3 Kemerosotan Ekonomi Negara/Global 56


**BAB 4 PENGENALPASTIAN SISTEM, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**


4.0 Pengenalan 57

4.1 Mengesan sistem sedia ada 57
4.1.1 Sistem Pengurusan Fail 57
4.1.2 Sistem Kaunter 59
4.1.3 Sistem Pengkomputeran 60
4.1.4 Sistem Perakam Waktu (*Punch Card*) 61
4.1.5 Sistem Kualiti 62

4.2 Pengenalpastian Masalah 62
4.2.1 Masalah dalam sistem pengurusan fail 62
4.2.2 Masalah disiplin kakitangan berkenaan dengan sistem Perakam waktu 64
4.2.3 Masalah penggunaan sistem maklumat 65
4.2.4 Masalah dalam sistem kualiti 66

4.3 Cadangan penyelesaian 67
4.3.1 Kaedah pengurusan fail yang sistematik dan berkesan 67
4.3.2 Tindakan tegas terhadap masalah disiplin dalam Sistem Perakam Waktu 68
4.3.3 Mengadakan kursus untuk pembelajaran Teknologi Maklumat 69
4.3.4 Menyesuaikan Pelaksanaan Sistem Kualiti Dengan Persekitaran Jabatan 69
4.3.5 Membangunkan Sistem Pengesanan 70

4.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi 70
4.4.1 Pemantauan mengenai penggunaan teknologi maklumat dan kemudahan di pejabat 70
4.4.2 Perlantikan pegawai dan kakitangan yang berkelayakan 71
4.4.3 Menghantar Pegawai dan kakitangan menghadiri kursus 71
4.4.4 Mengadakan mesyuarat kajian semula pengurusan sistem kualiti 72

**BAB 5 KESIMPULAN/ PENUTUP** 73

**BIBLIOGRAFI** 76

**LAMPIRAN**

## SENARAI RAJAH


| PERKARA | | M/S |
|---|---|---|
| Rajah 1.1 | Rajah Logo Jabatan Pembangunan Koperasi | 24 |
| Rajah 1.2 | Kedudukan Koperasi JPK Negegi Kelantan mengikut fungsi utama | 29 |
| Rajah 1.3 | Mengenalpasti Setiap Fail Di Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Kelantan Mengikut Kod Bar Dan Warna | 59 |

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ICA | - International Co-operative Alliance |
| JPK | -Jabatan Pembangunan Koperasi |
| ANGKASA | -Angkatan Koperasi Malaysia Berhad |
| MPPB | -Masyarakat Pembangunan dan Perindustrian Bumiputera |
| TMP | -Tabung Modal pusingan |
| AMCC | - All Malayan Co-operative Conference |
| *MCIS* | -Malayan Co-operative Insurance Society |
| *PIBG* | -Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| KIK | -Koperasi Industri Kampung |
| KPD | - Koperasi Pembangunan Daerah |
| ETIKOP | -Etika Koperasi |
| SMART | -Spesific, Measurable, Achievable, Realistic And Timely |
| *DBP* | -Dewan Bahasa dan Pustaka |
| SSM | -Sistem Saraan Malaysia |
| SSB | -Sistem Saraan Baru |

# SENARAI LAMPIRAN


| | |
|---|---|
| Lampiran 1 | Lipatan sejarah Jabatan Pembangunan Koperasi |
| Lampiran 2 | Carta Organisasi Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Kelantan |
| Lampiran 3 | Struktur Organisasi JPK Negeri Kelantan |
| Lampiran 4 | Struktur ringkas organisasi JPK Negeri Kelantan |
| Lampiran 5 | Kedudukan perjawatan mengikut gred jawatan |
| Lampiran 6 | Jadual bilangan koperasi mengikut negeri |
| Lampiran 7 | Penyediaan dokumen |
| Lampiran 8 | Gambar |
| Lampiran 9 | Contoh nama-nama Koperasi dalam negeri Kelantan |
| Lampiran 10 | Sijil Penghargaan kepada pelatih |
| Lampiran 11 | Kad perakam waktu |
| Lampiran 12 | Contoh borang permohonan bantuan koperasi |
| Lampiran 13 | Contoh Minit mesyuarat Jawatankuasa Bertindak |
| Lampiran 14 | Ulasan/ Arahan Pengarah dalam sistem Infokop |

## RINGKASAN EKSEKUTIF:

Pada zaman teknologi maklumat ini, pengetahuan merupakan satu aset yang tidak ternilai harganya. Tanpa pengetahuan dan pengalaman, seseorang itu tidak akan dapat menentang arus permodenan yang semakin mencabar. Menyedari hakikat ini, pihak pengurusan Kolej Universiti Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) melalui Unit Urusetia Latihan Industri telah memperkenalkan satu program khas bagi membolehkan pelajar mendapat peluang untuk menceburi bidang Peterman dan bergraduate dengan lebih cemerlang. Program ini dikenali sebagai Latihan Industri.

Latihan Industri dijalankan bertujuan untuk memenuhi keperluan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda seperti yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam program ini, pelajar akan ditempatkan di sesebuah organisasi sama ada di sektor awam ataupun sektor swasta selama tiga bulan. Objektif utama Latihan Industri diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai dunia pekerjaan sebelum mereka menamatkan pengajian mengikut bidang masing-masing. Latihan Industri juga diharap dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menghubungkaitkan kefahaman teori dan amali melalui Latihan Industri di organisasi di mana pelajar akan ditempatkan.

Sebagai seorang pelajar Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) , saya juga diberi peluang untuk menjalani Latihan Industri. Pihak Urusetia Latihan Industri telah menempatkan saya di Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) Negeri Kelantan yang terletak di Tingkat 8, Wisma Persekutuan, Jalan Bayam, 15608 Kota Bharu, Kelantan selama 12 minggu bermula 17 April 2006 sehingga 09 Julai 2006 dan ditempatkan di Bahagian Pembangunan dan Pengurusan di bawah seliaan En Akram bin Hasan selaku Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Koperasi. Saya akan mengambil peluang ini untuk menimba sebanyak ilmu yang mungkin sebagai bekalan menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar.

Sebagai seorang pelatih yang berada di sini, pelbagai kemahiran telah dipelajari dalam beberapa sistem yang sedia ada antaranya ialah sistem pengurusan fail, sistem kaunter, sistem pengkomputeran, sistem perakam waktu *(punch card)* dan sistem kualiti. Namun begitu, walaupun terdapat banyak sistem diamalkan di Jabatan ini, pelatih juga dapat mengenalpasti beberapa masalah iaitu masalah dalam sistem pengurusan fail, masalah disiplin kakitangan berkenaan sistem perakam waktu, masalah penggunaan sistem maklumat dan masalah dalam sistem kualiti. Bagi mengatasi masalah terus berleluasa di dalam organisasi terdapat beberapa cara mengatasi masalah ini daripada terus berleluasa. Beberapa cadangan yang telah dicadangkan iaitu kaedah pengurusan fail yang sistematik dan berkesan, tindakan tegas terhadap masalah disiplin dalam sistem perakam waktu, mengadakan kursus untuk pembelajaran teknologi maklumat, menyesuaikan pelaksanaan sistem kualiti dengan persekitaran jabatan dan membangunkan sistem pengesanan. Selain itu, terdapat juga cadangan dan implikasi antaranya ialah pemantauan mengenai penggunaan teknologi maklumat dan kemudahan di pejabat, perlantikan pegawai dan kakitangan yang berkelayakan, menghantar pegawai dan kakitangan menghadiri kursus dan mengadakan mesyuarat kajian semula pengurusan sistem kualiti. Cadangan-cadangan yang dibuat adalah sebagai langkah untuk mengatasi masalah dalam organisasi daripada terus berleluasa.